

## **Analisis Tahap Pengetahuan Sikap Aktiviti dan Keseronokan Terhadap Penggunaan Perpustakaan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah**

*Analysis of The Level of Knowledge Attitude of Activity and Fun Towards Library Usage among Primary School Pupils*

**Ruwaizah<sup>1\*</sup>, Noraini Mohamed Noh<sup>1</sup> & Norazilawati Abdullah<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

<sup>2</sup> Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara, Perak

\*Correspondence email: [rururuwaidah99@gmail.com](mailto:rururuwaidah99@gmail.com)

**Published:** 23 June 2021

**To cite this article (APA):** Ruwaizah, ., Mohamed Noh, N., & Abdullah, N. (2021). Analysis of the level of knowledge attitude of activity and fun towards library usage among primary school pupils. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(1), 23-36. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.3.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.3.2021>

### **Abstrak**

Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti tahap aspek pengetahuan, sikap, aktiviti, keseronokan terhadap penggunaan perpustakaan. Pada kajian ini juga meneroka tahapan dari keempat aspek tersebut. Seramai 103 orang murid telah dipilih menjadi responden dalam kajian ini. Dalam kajian ini pendekatan yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif dengan bentuk deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan tahap aspek pengetahuan ( $\text{min} = 4.18$ ), Sikap ( $\text{min} = 4.10$ ), aktiviti ( $\text{min} = 3.40$ ) dan keseronokan ( $\text{min} = 4.45$ ) terhadap perpustakaan. Manakala pengetahuan, sikap dan keseronokan adalah di tahap yang tinggi dan aktiviti perpustakaan adalah di tahap yang sederhana. Kesimpulan kajian, aspek pengetahuan, sikap, aktiviti dan keseronokan sangat penting bagi memastikan penggunaan perpustakaan dapat dimaksimalkan dikalangan murid. Implikasi kajian ini adalah pihak pentadbir sekolah dan guru masing-masing perlu memainkan peranan yang penting untuk merancang aktiviti yang diperlukan untuk perkembangan pembelajaran murid sekolah rendah yang selari dengan perkembangan teknologi bagi memastikan perpustakaan dapat memenuhi keperluan pembelajaran pendidikan abad 21.

**Kata kunci:** Pengetahuan, Sikap, Aktiviti, Keseronokan, Penggunaan Perpustakaan, Sekolah Rendah

### **Abstract**

*The present study is to identify level of knowledge, attitude, activities, and excitement towards library uses. 103 pupils agreed to participate in this study. The present study used the quantitative approach based on the description analysis. Findings demonstrated the level of knowledge ( $\text{min} = 4.18$ ), attitude ( $\text{min} = 4.10$ ), activity ( $\text{min} = 3.40$ ) and excitement ( $\text{min} = 4.45$ ) towards the library. Meanwhile, knowledge, attitude and excitement were at a higher level, and library's activity was at a moderate level. The present study concluded that aspects of knowledge, attitude, activity and excitement were essential in order to optimise the use of library facilities among pupils in the schools. Implications from the study showed that school administration and teachers were required to support the learning of pupils in the elementary school by providing the activities based on the technologies to achieve the education of the 21st century.*

**Keywords:** Knowledge, Attitude, Activity, Excitement, Use of library, Elementary school

### **PENGENALAN**

Indonesia adalah negara yang kaya dengan kepelbagaiannya budaya. Terdapat ramai penduduk yang tinggal di Indonesia dan mempunyai tahap pendidikan yang mengikut peringkat pengajian seperti, sekolah rendah, sekolah menengah pertama dan sekolah menengah dengan tujuan memperolehi ilmu

pengetahuan. Namun, Indonesia masih diklasifikasikan sebagai tahap literasi yang sangat rendah, ini berdasarkan ujian literasi yang dilakukan oleh IEA pada tahun 2011 (data PIRLS), Indonesia berada di tempat ke-45 dari 48 negara peserta dengan skor 428 dan skor rata-rata 500 peserta secara keseluruhan. (Direktorat Jenderal Pendidikan Rendah dan Menengah Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan 2016) (Sulistyo, 2017).

Menurut OECD (2015), data PISA 2015 literasi di Indonesia masih tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan dengan besar 1 poin daripada skor 396 pada tahun 2012 menjadi 397 pada tahun 2015, kedudukan tersebut mengangkat menjadi 6 penilaian ke atas kedudukan 62 daripada 70 peserta apabila dibandingkan dengan peringkat kedua dari bawah pada tahun 2012 (Ummah, Rusilowati, & Yulianti, 2018). Meski sudah terdapat perubahan, namun tahap literasi di Indonesia masih tergolong sangat rendah. Hal tersebut cukup mengambil berat dengan keadaan pendidikan di Indonesia, hal ini terbukti bahawa rendahnya kemahiran membaca murid dan proses pendidikan di Indonesia belum menunjukkan peningkatan kompetensi dan minat murid terhadap pengetahuan (Ismayani, 2017).

Untuk memperluaskan ilmu pengetahuan murid program literasi didalam pendidikan harus dilaksanakan sesuai dengan Peraturan Menteri No 23 Tahun 2015 tentang peningkatan budi pekerti yang menyatakan bahawa “penghargaan terhadap keunikian potensi anak didik untuk dibangunkan, iaitu menyokong anak didik gemar membaca dan memupuk minat yang sesuai dengan potensi bakatnya untuk meluaskan cakerawala kehidupan didalam membentuk dirinya sendiri” (Permendikbud, 2017). Peraturan Menteri tersebut disokong pula dengan Undang-Undang Republik Indonesia No 20 Tahun 2003 Tentang Sistem Pendidikan Nasional bab III Pasal 4 Nombor 5 yang menyatakan bahawa “pendidikan diselenggarakan dengan masyarakat” (Permendikbud, 2013).

Hal itu dilakukan oleh pemerintah Kementerian Pendidikan Kebudayaan berdasarkan pada hasil data PIRLS dan PISA sebagai usaha untuk meningkatkan gerakan literasi murid di sekolah. Gerakan literasi ialah sebuah bentuk kemampuan dalam mengakses, memahami, dan menggunakan sesuatu secara bijak melalui pelbagai aktiviti membaca, melihat, menyemak, menulis, dan bercakap (Perpustakaan Universitas Indonesia, 2016). Jadi itu murid diwajibkan untuk membaca selama 15 minit sebelum pembelajaran bermula, maka pihak sekolah harus menyediakan sarana dan koleksi buku yang memadai sesuai dengan keperluan pembelajaran murid. Sehingga untuk menunjang hal ini memerlukan sebuah perpustakaan sekolah sebagai salah satu ruang dalam memperoleh bahan literasi di sekolah untuk meningkatkan budaya literasi murid (Kemendikbud, 2015).

Perpustakaan ialah suatu sarana, tempat ataupun ruang yang menyediakan pelbagai jenis koleksi bahan pembelajaran sebagai penunjang kualiti pendidikan untuk pembelajaran agar murid dan guru memperoleh pengetahuan yang luas(Apriyani, Harapan, & Houtman, 2020). Dalam undang-undang nombor 25 tahun 2000 tentang Program Pembangunan Negara (PROPERNAS) menjelaskan bahawa “perpustakaan adalah sumber pendidikan yang penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah, pendidikan asas dan perantaraan”. Sementara menurut (Darmono, 2011), hakikat perpustakaan sekolah adalah pusat atau sumber belajar dan sumber maklumat untuk pengguna (murid). Dapat disimpulkan bahawa perpustakaan adalah sumber pembelajaran bagi murid di dunia pendidikan dan sumber pengetahuan dan maklumat untuk guru di sekolah.

## **PENYATAAN MASALAH**

Berdasarkan realiti yang selaras dengan pemerhatian pengkaji di sekolah rendah iaitu rendahnya penggunaan perpustakaan dalam kalangan murid dan kurangnya aktiviti-aktiviti yang diadakan perpustakaan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengetahuan murid (Mangnga, 2015a) serta rendahnya pinjaman buku perpustakaan oleh murid yang dapat dilihat pada jadual peratusan pinjaman buku dari sekolah objek kajian antara lain sebagai berikut:

**Jadual 1:** Peratusan Pinjaman Buku di Perpustakaan Sekolah Rendah Daerah Bima

No.	Nama Sekolah	Peratusan tahun 2018-2019
1.	Sekolah Rendah Inpres Sie 1	50%
2.	Sekolah Rendah Inpres Sie 2	40%
3.	Sekolah Rendah Sie	50%

Sumber: Dikpora Daerah Bima

Perkembangan penggunaan perpustakaan sangat diperlukan untuk mengubah tingkah laku dan pemikiran murid supaya dapat menggunakan perpustakaan atau sumber pembelajaran dengan cekap untuk meningkatkan kefahaman mereka dalam persekitaran sekolah dan di luar persekitaran sekolah.

Dengan kehadiran masalah di atas perlu untuk menggali maklumat mendalam kepada objek yang akan menjadi sumber dalam kajian ini. Masalahnya harus segera dicari penyelesaian sehingga tidak tersebar ke semua murid dan guru di kalangan sekolah rendah. Dengan maklumat yang diperoleh pada sumber yang ditetapkan, maka akan ada penyelesaian dengan melihat beberapa kekurangan dan kekuatan pengurusan yang dimiliki oleh sekolah. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian untuk mengenal pasti tahap aspek pengetahuan murid, sikap murid, aktiviti perpustakaan dan keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan dalam kalangan murid, kerana kenyataannya bahawa banyaknya murid yang tidak memiliki pengetahuan, sikap dan keseronokan terhadap perpustakaan sehingga mereka tidak dapat mengembangkan keupayaan mereka dalam proses belajar dengan menggunakan kualiti layanan perpustakaan sebagai alternatif yang paling asas dalam aktiviti pembelajaran(Widayat Prihartanta, 2015).

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

1. Bagi mengenal pasti tahap pengetahuan terhadap penggunaan perpustakaan.
2. Bagi mengenal pasti tahap sikap terhadap penggunaan perpustakaan.
3. Bagi mengenal pasti tahap aktiviti terhadap penggunaan perpustakaan.
4. Bagi mengenal pasti tahap keseronokan terhadap penggunaan perpustakaan.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan bentuk deskriptif, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap aspek pengetahuan, sikap, aktiviti dan keseronokan terhadap penggunaan perpustakaan dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dimana semua kaedah pengumpulan data menggunakan kuantitatif dan dianalisis secara kuantitaif. Kajian ini dijalankan di tiga sekolah rendah di Daerah Bima.

Adapun responden dalam kajian ini yaitu terdiri dari 103 orang murid. Di antaranya adalah murid tahun lima dan tahun enam yang berumur 10 hingga 11 tahun yang secara suka rela berpartisipasi dalam kajian ini. Mereka adalah murid-murid yang berada di tiga sekolah rendah di Negeri NTB (Nusa Tenggara Barat) tepatnya di daerah Bima.

Untuk memperoleh data atau informasi yang berkaitan dengan hubungan antara pengetahuan, sikap, aktiviti dan keseronokan dengan penggunaan perpustakaan dalam kalangan murid sekolah rendah ialah pengkaji menggunakan Borang soal selidik yang akan digunakan dalam kajian ini terdiri daripada lima bahagian. bahagian satu mengandungi item pengetahuan murid terhadap perpustakaan, bahagian dua mengandungi item yang berkaitan dengan sikap murid terhadap perpustakaan, bahagian tiga mengandungi item yang berkaitan dengan aktiviti perpustakaan, bahagian empat mengandungi item

yang berkaitan dengan keseronokan murid terhadap perpustakaan, serta pada bahagian terakhir iaitu bahagian lima mengandungi item yang berkaitan dengan penggunaan perpustakaan oleh murid. Untuk mengukur semua item yang terkandung dalam borang soal selidik, maka dapat digunakan Skala Likert (5 skala). Skala Likert ini sangat penting dalam meninjau tahap aspek pengetahuan, sikap, aktiviti dan keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan dalam kalangan murid sekolah rendah.

Kesahan muka adalah sejauh mana pengukuran yang dibuat dapat mengukur nilai sebenar yang diukur Piaw (2014). Kesahan muka ini, yang berkaitan dengan bahagaimana struktur bahasa, ejaan dan ayat yang ada dalam instrumen dapat mengukur nilai yang sebenarnya diukur. Dalam kajian ini pengkaji akan menjalankan validasi instrumen terhadap dua pakar dalam bidang bahasa iaitu guru bahasa Indonesia di salah satu sekolah rendah daerah Bima tepatnya di sekolah rendah Inpres Sie 1 dengan guru bahasa Indonesia di sekolah rendah Inpres Sie 2 untuk memperolehi validasi bahasa terhadap instrumen yang dibina. Selepas memperolehi penambahbaikan daripada pakar, pengkaji langsung melakukan perbaikan bahasa terhadap instrumen yang dibina.

Kesahan kandungan memberikan bukti pada elemen-elemen yang ada pada alat ukur dan diproses dengan analisis rasional. Secara amalannya, kesahan kandungan dijalankan untuk mengukur sejauhmana pengukuran yang dibuat mewakili kandungan, isi atau konten yang diukur (Piaw, 2014). Validitas konten dinilai oleh ahli dan dalam kajian ini pengkaji telah merujuk pada dua pensyarah yang pakar dalam bidang perpustakaan serta satu orang pegawai di perpustakaan Tuanku Bainun UPSI untuk memperoleh validasi borang soal selidik yang telah dibina dengan membawa borang soal selidik tersebut pada pakar, selepas itu pengkaji melakukan perbaikan terhadap isi kandungan borang soal selidik yang terdapat penambahbaikan dari pakar tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

### **Apakah tahap pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan?**

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian mengenai pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil dapatan soal selidik bahagian B ini diterjemah dalam bentuk jadual min dan sisihan piawai. Berdasarkan Jadual 2, didapati nilai min yang tertinggi antara semua item adalah 4.83 dan nilai min terendah adalah 3.40. Secara keseluruhan nilai min bagi pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan berada pada tahap tinggi (min = 4.18, sp 0.262). Jadual 2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi tahap pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan.

**Jadual 2:** Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pengetahuan Murid Terhadap Penggunaan Perpustakaan

Item	Pernyataan	Min	SP	Interpretasi
B1	Saya tahu perpustakaan adalah tempat untuk mendapatkan maklumat	4.27	0.447	Tinggi
B2	Saya tahu terdapat pelbagai sumber maklumat yang boleh diperolehi dari perpustakaan seperti buku, majalah surat khabar dan pameran	4.27	0.447	Tinggi
B3	Saya tahu bahawa melalui perpustakaan saya dapat meningkatkan kemahiran membaca	4.83	0.373	Tinggi
B4	Saya tahu terdapat pelbagai buku cerita yang ada di perpustakaan	4.74	0.442	Tinggi
B5	Saya tahu terdapat pelbagai buku rujukan yang ada di perpustakaan	4.60	0.492	Tinggi

B6	Saya tahu terdapat pelbagai buku kamus yang ada di perpustakaan	3.87	0.458	Tinggi
B7	Saya tahu terdapat pelbagai majalah yang ada di perpustakaan	3.47	0.654	Sederhana
B8	Saya tahu terdapat surat khabar di perpustakaan	3.71	0.554	Tinggi
B9	Saya tahu terdapat pelbagai ruang yang disediakan di perpustakaan	4.06	0.235	Tinggi
B10	Saya tahu saya tidak boleh membuat bising di perpustakaan	4.34	0.476/	Tinggi
B11	Saya tahu saya tidak boleh merosakkan buku-buku yang ada di perpustakaan	4.48	0.575	Tinggi
B12	Saya tahu waktu-waktu operasi yang dibenarkan untuk memasuki perpustakaan	4.20	0.867	Tinggi
B13	Saya tahu peraturan-peraturan sewaktu berada dalam perpustakaan	4.46	0.501	Tinggi
B14	Saya tahu cara-cara untuk meminjam buku dari perpustakaan	4.23	0.447	Tinggi
B15	Saya tahu setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di perpustakaan	3.40	1.013	Sederhana
B16	Saya tahu bagaimana untuk mencari buku yang saya perlukan pada rak	3.96	0.311	Tinggi
B17	Saya tau menyimpan kembali buku yang saya baca di rak secara semula	4.22	0.484	Tinggi
B18	Saya tau cara untuk meminjam bilik carel dari kaunter	3.98	0.197	Tinggi
B19	Saya tau cara menjaga kebersihan di perpustakaan	4.45	0.519	Tinggi
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		4.18	0.262	Tinggi

Daripada Jadual 2, hasil secara keseluruhan dalam konteks pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil analisis bagi pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan iaitu seperti perpustakaan adalah tempat untuk mendapatkan maklumat, terdapat pelbagai sumber maklumat yang boleh diperoleh dari perpustakaan seperti buku, majalah, surat khabar, pameran, melalui perpustakaan dapat meningkatkan kemahiran membaca, terdapat pelbagai buku cerita yang ada di perpustakaan, terdapat pelbagai buku rujukan yang ada di perpustakaan, terdapat pelbagai buku kamus yang ada di perpustakaan, terdapat pelbagai majalah yang ada di perpustakaan, terdapat surat khabar di perpustakaan, terdapat pelbagai ruang yang disediakan di perpustakaan, tidak boleh membuat bising di perpustakaan, tidak boleh merosakan buku-buku yang ada di perpustakaan, tahu waktu operasi yang dibenarkan untuk memasuki perpustakaan, tahu peraturan-peraturan sewaktu berada dalam perpustakaan, tahu cara-cara untuk meminjam buku di perpustakaan, tahu setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di perpustakaan, tahu bagaimana untuk mencari buku yang diperlukan pada rak yang betul, menyimpan kembali buku yang dibaca pada rak secara semula, tahu cara untuk meminjam ruang membaca individu dari kaunter, cara menjaga kebersihan di perpustakaan. Adapun huraijan frekuensi dan peratusan keseluruhan aspek pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 seperti berikut:

*Analisis Tahap Pengetahuan Sikap Aktiviti dan Keseronokan Terhadap Penggunaan Perpustakaan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*

**Jadual 3:** Frekuensi dan Peratusan Keseluruhan Aspek Pengetahuan Murid Terhadap Penggunaan Perpustakaan

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
1.00 - 2.33	0	0	Rendah
2.34 - 3.67	0	0	Sederhana
3.68 - 5.00	103	106.0	Tinggi

Berdasarkan Jadual 3, analisis frekuensi bagi tahap pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan bahawa majoriti murid berada pada tahap tinggi iaitu seramai 103 orang murid (106.0%), manakala 0 orang murid (0%) berada pada tahap sederhana dan 0 orang murid (0%) berada pada tahap yang rendah bagi pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil dapatkan ini menunjukkan bahawa pada tahap pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan didapati sangat tinggi kerana semua murid memiliki pengetahuan yang tinggi terhadap penggunaan perpustakaan.

### **Apakah Tahap Sikap Murid Terhadap Penggunaan Perpustakaan?**

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian mengenai sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil dapatkan soal selidik bahagian C ini diterjemah dalam bentuk jadual min dan sisihan piawai. Berdasarkan Jadual 4, didapati nilai min yang tertinggi antara semua item adalah 4.71 dan nilai min terendah adalah 3.45. Secara keseluruhan nilai min bagi sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan berada pada tahap tinggi (min = 4.10, sp 0.442). Jadual 4.7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan.

**Jadual 4:** Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Sikap Murid Terhadap Penggunaan Perpustakaan

Item	Pernyataan	Min	SP	Interpretasi
C1	Saya suka ke perpustakaan	4.4 8	0.502	Tinggi
C2	Saya suka belajar di perpustakaan	4.4 2	0.975	Tinggi
C3	Saya suka membaca di perpustakaan	4.7 1	0.571	Tinggi
C4	Saya suka meminjam buku di perpustakaan	4.3 7	0.642	Tinggi
C5	Saya suka berdiskusi bersama teman kelompok diperpustakaan	4.0 1	0.810	Tinggi
C6	Saya suka ke perpustakaan kerana saya akan mendapatkan maklumat tambahan	3.5 9	0.678	Sederhana
C7	Saya suka ke perpustakaan walaupun tanpa ada arahan guru	3.4 5	1.202	Sederhana
C8	Saya suka apabila guru mengadakan pembelajaran di perpustakaan	3.6 7	0.974	Sederhana
C9	Selepas waktu sekolah saya suka menyiapkan tugas di perpustakaan sekolah	4.0 4	0.939	Tinggi
C10	Saya suka ke perpustakaan kerana dapat meningkatkan motivasi belajar saya	4.1 5	0.706	Tinggi
C11	Saya suka ke perpustakaan kerana maklumat pembelajaran boleh diperoleh dari pelbagai sumber seperti buku, majalah dan bahan pameran	4.2 6	0.464	Tinggi
Jumlah Keseluruhan		4.10 2	0.44 2	Tinggi

Daripada Jadual 4, hasil secara keseluruhan dalam konteks sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil analisis bagi sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan iaitu seperti suka ke perpustakaan, suka belajar di perpustakaan, suka membaca di perpustakaan, suka meminjam buku dari perpustakaan, suka berdiskusi bersama teman kelompok di perpustakaan, suka ke perpustakaan kerana dapat memperoleh maklumat tambahan, suka ke perpustakaan walaupun tanpa ada arahan guru, suka apabila guru mengadakan pembelajaran di perpustakaan, selepas waktu sekolah suka menyiapkan tugas di perpustakaan sekolah, suka ke perpustakaan kerana dapat meningkatkan motivasi untuk belajar, suka ke perpustakaan kerana maklumat pembelajaran boleh diperoleh dari pelbagai sumber seperti buku dan bahan pameran. Adapun huraian frekuensi dan peratusan keseluruhan aspek sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5 seperti berikut:

**Jadual 5:** Frekuensi Dan Peratusan Keseluruhan Aspek Sikap Murid Terhadap Penggunaan Perpustakaan

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
1.00 - 2.33	0	0	Rendah
2.34 - 3.67	18	18.5	Sederhana
3.68 - 5.00	85	87.5	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, analisis frekuensi bagi tahap sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan bahawa majoriti murid berada pada tahap tinggi iaitu seramai 85 orang murid (87.5%), manakala 18 orang murid (18.5%) berada pada tahap sederhana dan 0 orang murid (0%) berada pada tahap yang rendah bagi sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa pada tahap sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan didapati pada tahap yang sangat tinggi sehingga dapat disimpulkan bahawa sikap murid dalam menggunakan perpustakaan sebagai sumber belajar mereka sangatlah baik.

### Apakah Tahap Aktiviti Perpustakaan Terhadap Penggunaan Perpustakaan?

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian mengenai aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil dapatan soal selidik bahagian D ini diterjemah dalam bentuk jadual min dan sisihan piawai. Berdasarkan Jadual 6, didapati nilai min yang tertinggi antara semua item adalah 4.60 dan nilai min terendah adalah 2.97. Secara keseluruhan nilai min bagi aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan berada pada tahap sederhana (min = 3.40, sp 0.352). Jadual 6 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi tahap aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan.

**Jadual 6:** Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti Perpustakaan Terhadap Penggunaan Perpustakaan

Item	Pernyataan	Min	SP	Interpretasi
D1	Pertandingan mengarang cerita pendek	3.02	0.816	Sederhana
D2	Pertandingan melukis indah	3.17	0.818	Sederhana
D3	Pertandingan membaca cepat	3.63	0.886	Sederhana
D4	Pertandingan membaca puisi	3.80	0.691	Tinggi
D5	Pertandingan mengarang puisi	3.46	0.683	Sederhana
D6	Pertandingan membuat media sains	2.97	0.618	Sederhana
D7	Pertandingan melukis gambar pahlawan	3.17	0.760	Sederhana
D8	Pertandingan menulis indah	3.65	0.848	Sederhana
D9	Pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia matematika	3.10	0.707	Sederhana
D10	Pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia bahasa Indonesia	3.05	0.677	Sederhana
D11	Pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia IPA	3.04	0.670	Sederhana

*Analisis Tahap Pengetahuan Sikap Aktiviti dan Keseronokan Terhadap Penggunaan Perpustakaan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*

D12	Pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia IPS	3.09	0.579	Sederhana
D13	Pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia Seni budaya	3.06	0.608	Sederhana
D14	Pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia Muatan Lokal	3.01	0.721	Sederhana
D15	Pameran hasil karya murid mengikuti pembelajaran	3.15	0.856	Sederhana
D16	Penghargaan kepada murid yang menjadi peminjam buku terbanyak	3.28	0.809	Sederhana
D17	Penghargaan kepada murid yang menjadi pengunjung perpustakaan paling kerap	4.60	0.492	Tinggi
D18	Program galakkan membaca dalam kalangan murid	3.98	0.671	Tinggi
D19	Program galakkan pinjaman buku-buku perpustakaan	4.05	0.879	Tinggi
D20	Program promosi buku-buku baharu yang ada di perpustakaan	3.77	0.489	Tinggi
Jumlah Keseluruhan		3.40	0.352	Sederhana

Daripada Jadual 6, hasil secara keseluruhan dalam konteks aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil analisis bagi aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan iaitu seperti pertandingan mengarang cerita pendek, pertandingan melukis indah, pertandingan membaca cepat, pertandingan membaca puisi, pertandingan mengarang puisi, pertandingan membuat media sains, pertandingan melukis gambar pahlawan, pertandingan menulis indah, pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia matematika, pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia bahasa Indonesia, pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia IPA, pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia seni budaya, pameran bahan-bahan pembelajaran oleh guru-guru daripada panitia muatan lokal, penghargaan kepada murid yang menjadi peminjam buku terbanyak, penghargaan kepada murid yang menjadi pengunjung perpustakaan paling kerap, program galakkan membaca dalam kalangan murid, program galakkan pinjaman buku-buku perpustakaan, program promosi buku-buku baharu yang ada di perpustakaan, pameran hasil karya murid yang mengikuti pembelajaran. Adapun huraijan frekuensi dan peratusan keseluruhan aspek aktiviti terhadap penggunaan perpustakaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7 seperti berikut.

**Jadual 7:** Frekuensi Dan Peratusan Keseluruhan Aspek Aktiviti terhadap Penggunaan Perpustakaan

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
1.00 - 2.33	5	5.1	Rendah
2.34 - 3.67	89	91.6	Sederhana
3.68 - 5.00	9	9.2	Tinggi

Berdasarkan jadual 7, analisis frekuensi bagi tahap aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan bahawa majoriti murid berada pada tahap sederhana iaitu seramai 89 orang murid (91.6%), manakala 5 orang murid (5.1%) berada pada tahap rendah dan 9 orang murid (9.2%) berada pada tahap yang tinggi bagi aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil dapatkan ini menunjukkan bahawa pada tahap aktiviti perpustakaan terhadap penggunaan perpustakaan didapati pada tahap sederhana. Murid tidak terlalu ramai menggunakan perpustakaan kerana kurangnya pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh perpustakaan untuk murid.

### **Apakah Tahap Keseronokan Murid Terhadap Penggunaan Perpustakaan?**

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian mengenai keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil dapatan soal selidik bahagian E ini diterjemah dalam bentuk jadual min dan sisihan piawai. Berdasarkan Jadual 8, didapati nilai min yang tertinggi antara semua item adalah 4.77 dan nilai min terendah adalah 3.95. Secara keseluruhan nilai min bagi keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan berada pada tahap sederhana (min = 4.45, sp 0.385). Jadual 8 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan.

**Jadual 8:** Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Keseronokan Murid terhadap Penggunaan Perpustakaan

<b>Item</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Interpretasi</b>
E1	Saya seronok ke perpustakaan kerana penjaga perpustakaan yang siap membantu pelawat	4.47	0.501	Tinggi
E2	Saya seronok ke perpustakaan kerana tatanan buku yang kemas mudah untuk saya mencari judul buku	4.77	0.425	Tinggi
E3	Saya seronok ke perpustakaan kerana ada ruangan belajar kelompok yang sesuai	4.28	0.785	Tinggi
E4	Saya seronok ke perpustakaan kerana ada ruangan santai yang selesa	3.95	0.759	Tinggi
E5	Saya seronok ke perpustakaan kerana ada ruangan baca khusus untuk individu	3.96	0.441	Tinggi
E6	Saya seronok ke perpustakaan kerana dekorasi dan susun atur ruang yang menarik	4.30	0.669	Tinggi
E7	Saya seronok ke perpustakaan kerana suasana persekitarannya yang hening	4.70	0.502	Tinggi
E8	Saya seronok ke perpustakaan kerana saya dapat melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di perpustakaan	4.39	0.528	Tinggi
E9	Saya seronok apabila berpeluang mengikuti apa sahaja pertandingan yang dijalankan di perpustakaan sekolah.	4.73	0.447	Tinggi
E10	Saya seronok apabila perpustakaan menawarkan hadiah kepada murid yang banyak meminjam buku di perpustakaan	4.77	0.469	Tinggi
E11	Saya seronok apabila perpustakaan menawarkan hadiah kepada murid yang kerap masuk belajar di perpustakaan	4.65	0.789	Tinggi
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4.45</b>	<b>0.385</b>	<b>Tinggi</b>

Daripada Jadual 8, hasil secara keseluruhan dalam konteks keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil analisis bagi keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan iaitu seperti seronok ke perpustakaan kerana penjaga perpustakaan yang siap membantu pengguna, seronok ke perpustakaan kerana tatanan buku yang kemas mudah untuk saya mencari judul buku, seronok ke perpustakaan kerana ada ruangan belajar kelompok yang sesuai, seronok ke perpustakaan kerana ada ruangan santai yang selesa, seronok ke perpustakaan kerana ada ruangan baca khusus untuk individu, seronok ke perpustakaan kerana dekorasi dan susun atur ruang yang menarik, seronok ke perpustakaan kerana suasana persekitarannya yang hening, seronok kerana dapat melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di perpustakaan, seronok apabila berpeluang mengikuti apa sahaja pertandingan yang dijalankan di perpustakaan sekolah, seronok apabila perpustakaan menawarkan hadiah kepada murid yang banyak meminjam buku di perpustakaan, seronok apabila perpustakaan menawarkan hadiah kepada murid yang kerap masuk belajar di perpustakaan. Adapun hurai frekuensi dan peratusan keseluruhan aspek keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9 seperti berikut:

**Jadual 9:** Frekuensi dan Peratusan Keseluruhan Aspek Keseronokan Murid Terhadap Penggunaan Perpustakaan

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
1.00 - 2.33	0	0	Rendah
2.34 - 3.67	2	2.0	Sederhana
3.68 - 5.00	101	104.0	Tinggi

Berdasarkan Jadual 9, analisis frekuensi bagi tahap keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan bahawa majoriti murid berada pada tahap tinggi iaitu seramai 101 orang murid (104.0%), manakala 2 orang murid (2.0%) berada pada tahap sederhana dan 0 orang murid (0%) berada pada tahap yang rendah bagi keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil daptan ini menunjukkan bahawa pada tahap keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan didapati pada tahap yang sangat tinggi sehingga dapat disimpulkan bahawa murid sangat seronok dalam menggunakan perpustakaan sebagai sumber belajar mereka.

## **PERBINCANGAN**

Dapatan untuk bahagian ini memfokuskan kepada skor min bagi item soal selidik yang dibawah faktor boleh ubah pengetahuan terhadap penggunaan perpustakaan. Hasil kajian ini menunjukkan keseluruhan pengetahuan murid berada pada tahap yang tinggi. Melalui dapatan analisis min mengenai pengetahuan murid menunjukkan bahawa kebanyakan murid yang terlibat sebagai responden menunjukkan murid berada pada tahap pengetahuan yang tinggi. Hasil analisis pula menunjukkan bahawa murid mengetahui penggunaan perpustakaan berada pada tahap yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa murid-murid mengetahui peranan, faedah dan tujuan perpustakaan, iaitu sebagai sumber pembelajaran bagi mereka dan juga disokong oleh kemudahan yang ada di perpustakaan. Oleh itu, banyak murid mengetahui bahawa terdapat pelbagai kemudahan sokongan untuk keperluan pembelajaran dan tugas untuk mereka yang terdapat di perpustakaan untuk mereka gunakan. Penggunaan perpustakaan oleh murid berjaya sesuai dengan tujuan untuk mewujudkan perpustakaan sebagai sokongan kualiti pembelajaran murid dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid pada dunia pendidikan sehingga mereka dapat menjadi sangat kompetitif.

Dapatan kajian ini juga adalah selari dengan dapatan kajian Paridah Aini (2011) mengemukakan bahawa pengetahuan murid terhadap penggunaan perpustakaan ialah untuk murid tahun lima 100% mengatakan untuk memperoleh informasi dan untuk murid tahun enam mengatakan pula untuk memperoleh informasi. Hasil kajian ini selari pula dengan kajian yang dilakukan oleh Indah Ayu Lestari dan Nadia Rizky Harisuna (2019) bahawa dengan koleksi bahan perpustakaan yang dikendalikan dan kemudahan yang ada, perpustakaan dapat mendorong orang untuk meningkatkan akses kepada maklumat untuk meningkatkan agama, intelektual, kognisi, belas kasi dan kecerdasan kinetik. Sebagai sumber pembelajaran, perpustakaan sekolah mempunyai beberapa fungsi. Fungsi perpustakaan akan berjalan dengan baik sekiranya disokong oleh beberapa perkara seperti pengembangan koleksi, perkhidmatan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang sesuai.

Kajian Hanna & Hanny (2017) juga mengemukakan pendapat bahawa setelah murid diberikan maklumat tentang perpustakaan, murid menjadi memiliki sikap yang lebih baik terhadap perpustakaan sekolah, baik dari: aspek kognitif meliputi: pengetahuan, kepercayaan dan penilaian; aspek afektif; maupun kognitif. Oleh itu, diharapkan sekolah melalui guru kelas dapat memberikan maklumat atau pengetahuan mengenai fungsi perpustakaan sekolah secara intensif, dan meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada murid, sehingga mereka terbiasa menggunakan perpustakaan sebagai langkah pertama dalam membentuk generasi yang cerdas dan dapat meningkatkan pengetahuan mereka dalam menggunakan perpustakaan sebagai sumber pembelajaran mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap sikap murid terhadap penggunaan perpustakaan adalah tinggi. Hal ini membuktikan bahawa murid suka dengan adanya perpustakaan dan mengetahui bagaimana bersikap dalam menggunakan perpustakaan sebagai tempat atau sumber belajar mereka di sekolah. Murid mengetahui bahawa perpustakaan adalah tempat untuk mendapatkan maklumat, terdapat pelbagai sumber maklumat yang boleh diperoleh dari perpustakaan seperti buku, majalah, surat

khabar, pameran dan perpustakaan, dapat meningkatkan kemahiran membaca dan terdapat pula pelbagai buku serta pelbagai ruang yang disediakan di perpustakaan.

Di dalam perpustakaan murid tahu mereka tidak boleh membuat bising di perpustakaan, tidak boleh merosakkan buku-buku yang ada di perpustakaan, tahu waktu-waktu operasi yang dibenarkan untuk memasuki perpustakaan, peraturan-peraturan sewaktu berada dalam perpustakaan, cara-cara untuk meminjam buku dari perpustakaan serta cara bersikap lainnya dalam menggunakan perpustakaan.

Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Mulyadi SK dan Febriana Primasari (2014) Penggunaan perpustakaan sebagai pusat sumber untuk murid sekolah rendah merupakan keperluan yang perlu dipatuhi. Walaupun sekolah tidak mempunyai kakitangan yang bertanggung jawab mengurus perpustakaan walau bagaimanapun dapat dikendalikan oleh guru yang dilantik di bawah kawalan pengetua untuk mengoptimumkan penggunaan perpustakaan. Keberkesanan pelaksanaan penggunaan perpustakaan akan memberi kesan kepada pertumbuhan minat membaca di perpustakaan sekolah untuk murid. Kreativiti guru dalam menggunakan perpustakaan sebagai sumber pembelajaran untuk tema tertentu juga akan menyebapkan murid ingin datang atau memanfaatkan perpustakaan sekolah. Penggunaan perpustakaan sekolah dianggap dapat meningkatkan pencapaian murid.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa keseluruhan tahap aktiviti perpustakaan adalah sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti perpustakaan tidak terlalu kerap diberikan pada murid sehingga perpustakaan tidak ramai dikunjungi oleh murid. Kurangnya aktiviti yang diberikan oleh perpustakaan pada murid dalam meningkatkan kualitas pembelajaran dan ilmu pengetahuan murid dapat menurunkan semangat murid untuk menggunakan perpustakaan sebagai sumber belajar bagi mereka. Aktiviti-aktiviti perpustakaan yang kurang kerap dijalankan dimaksud ialah perlombaan mengarang cerita pendek serta pelbagai perlombaan lainnya yang dapat meningkatkan kualitas bakat murid. Serta penghargaan kepada murid yang menjadi peminjam buku terbanyak, penghargaan kepada murid yang menjadi pengunjung perpustakaan paling kerap, program galakkan membaca dalam kalangan murid, program galakkan pinjaman buku-buku perpustakaan, program promosi buku-buku baharu yang ada di perpustakaan, pameran hasil karya murid yang mengikuti pembelajaran tidak lagi dijalankan sebagaimana tujuan adanya perpustakaan itu sendiri.

Berdasarkan Undang-undang Nomor 43 tahun 2007 tentang perpustakaan, dinyatakan bahwa "Perpustakaan adalah lembaga yang mengelola pengumpulan karya tertulis, karya cetak dan karya rekod secara profesional dengan sistem standard untuk memenuhi keperluan pendidikan, penyelidikan, pemeliharaan, informasi dan rekreasi para pelawat. Adapun tujuan daripada perpustakaan (Mangnga, 2015b) untuk membantu komuniti dalam segala usia dengan menyediakan peluang dengan galakkan melalui perkhidmatan perpustakaan supaya mereka: Boleh mendidik dirinya secara bertanggungjawab, boleh respons-respons dalam pelbagai bidang sains, kehidupan sosial dan politik, boleh mengekalkan kebebasan berfikir yang membina untuk menjadi ahli keluarga dan komuniti yang lebih baik, boleh mengembangkan keupayaan berfikir kreatif, memelihara secara rohani dan dapat menggunakan kemampuan mereka untuk dapat menghargai hasil seni dan budaya manusia, boleh meningkatkan kehidupan sehari-hari dan pekerjaan, boleh menjadi warganegara yang baik dan boleh secara aktif mengambil bahagian dalam pembangunan negara dan dalam memupuk persefahaman antara Negara, boleh menggunakan masa lapang yang memberi manfaat kepada kehidupan peribadi dan sosial.

Dalam hasil penyelidikan, Alias Mangnga (2015) mengatakan bahawa dalam dunia pendidikan, buku terbukti cekap dan efisien sebagai alat pendidikan dan alat komunikasi. Dalam perpustakaan dan perkhidmatan perpustakaan harus dikembangkan sebagai institusi untuk merealisasikan tujuan mendidik kehidupan bangsa. Perpustakaan adalah bahagian penting dan mempunyai pengaruh besar terhadap kualiti pendidikan. Mengetahui peranan perpustakaan, faedah dan aktiviti perpustakaan akan dapat membantu murid mengembangkan potensi mereka.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa keseluruhan tahap keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa murid sangat seronok dalam menggunakan perpustakaan di sekolahnya dan dibuktikan dengan adanya hasil min dan analisis dalam tahap keseronokan murid terhadap penggunaan perpustakaan berada pada tahap tinggi. Murid seronok ke perpustakaan kerana penjaga perpustakaan yang siap membantu pengguna, mereka seronok ke perpustakaan kerana tatanan buku yang kemas mudah untuk mencari tajuk buku.

Bukan itu sahaja di perpustakaan sekolah tersebut terdapat pula ruangan belajar dan ruangan santai yang selesa, mereka juga seronok kerana dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di perpustakaan sebagai contoh iaitu mengikuti apa sahaja pertandingan yang dijalankan di perpustakaan sekolah, perpustakaan pula menawarkan hadiah kepada murid yang banyak meminjam buku di perpustakaan serta perpustakaan menawarkan hadiah kepada murid yang banyak masuk belajar di perpustakaan. Oleh itu, perkhidmatan perpustakaan dapat dikatakan sangat baik dalam menyokong aktiviti pembelajaran murid dalam memanfaatkan pelbagai bahan didalam perpustakaan.

Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Fibriyanti, Y., & Murtinigsih, T. W. H. (2013) bahawa penggunaan perkhidmatan perpustakaan sekolah oleh murid, secara efektif dengan peratusan sekitar 76.92%. Dalam kajian ini, terdapat indikator seperti frekuensi kunjungan, perkhidmatan yang tersedia, kekerapan penggunaan, kualiti layanan, kepuasan pengunjung, tahap pencarian, ketepatan pencarian, dan keperluan. Dari indikator-indikator ini dapat disimpulkan bahawa penggunaan perkhidmatan perpustakaan berkesan untuk murid kerana frekuensi pelawat dan kekerapan penggunaannya cukup baik, perkhidmatan yang diberikan mencukupi dan berkualiti sehingga dapat memberi kepuasan dan keseronokan kepada murid. Di samping itu, kelajuan dan ketepatan bahan pembelajaran dalam perpustakaan cukup baik untuk memenuhi keperluan murid. Hal itulah yang dapat menyokong keseronokan murid dalam menggunakan perpustakaan di sekolahnya.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Beberapa implikasi yang terdapat dalam kajian adalah mencakupi implikasi kepada guru, sekolah dan kepada pihak yang berkuasa antaranya adalah:

- a) Implikasi Kepada Guru
  - i. Perlu banyak menyediakan aktiviti pembelajaran murid dalam bilik darjah berdasarkan sumber rujukan seperti buku, suratkhabar dan lain sumber maklumat
  - ii. Perlu banyak menyediakan aktiviti pembelajaran murid selari dengan aktiviti perpustakaan sekolah
  - iii. Perlu banyak mengarahkan murid merujuk buku dan dan bahan lainnya dalam perpustakaan
- b) Implikasi Kepada Sekolah
  - i. Perlu melibatkan guru-guru yang pelbagai kepakaran subjek untuk memilih atau membeli bahan sumber yang sesuai dengan umur murid serta sesuai dengan subjek supaya koleksi bahan sumber yang ada di perpustakaan menjadi relevan dan dapat menarik murid datang ke perpustakaan
  - ii. Pihak pentadbir sekolah perlu mewajibkan guru untuk terlibat langsung dengan penggunaan perpustakaan sekolah dan menjadikan penglibatan guru sebagai salah satu elemen yang digunakan untuk memberi nilai prestasi guru pada hujung tahun
  - iii. Pihak pentadbir perlu menyediakan perlbagai aktiviti perpustakaan untuk murid dan guru dalam meningkatkan kualiti penggunaan perpustakaan dan peningkatan mutu pendidikan murid
- c) Implikasi Kepada Pihak Berkuasa
  - i. Mewujudkan perpustakaan yang lengkap di setiap sekolah
  - ii. Mewujudkan peraturan mengenai kekerapan penggunaan perpustakaan untuk semua kalangan sekolah rendah.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini adalah pembuka bagi mempersiapkan perpustakaan yang lebih baik. Segala faktor pendukung dari penggunaan perpustakaan perlu diperhatikan. Pengetahuan murid terhadap perpustakaan perlu, kerana dari pengetahuan murid, kita boleh tahu sejauhmana murid memahami tentang perpustakaan. Ataukah perlu adakan maklumat lanjutan oleh guru kepada murid. Sikap murid terhadap perpustakaan juga perlu, bagaimana murid merespon adanya perpustakaan di sekolah. Aktiviti pula perlu diperhatikan, aktiviti yang tersedia di dalam perpustakaan sekolah bagi menyokong penggunaan perpustakaan. Keseronokan adalah sangat berkaitan dengan ketertarikan murid terhadap perpustakaan, perlu adanya hal-hal yang membuat murid-murid seronok untuk terus menggunakan perpustakaan, sehingga dapat meningkatkan ketertarikan murid melakukan pelbagai aktiviti diperpustakaan.

Kajian ini telah memberikan maklumat kepada peroalan-persoalan kajian dan menjawab hipotesis satu per satu. Diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu guru, pihak sekolah dan pihak yang berkuasa memahami mengenai hasil kajian ini. Cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat dijadikan panduan dalam usaha meningkatkan kualiti sarana dan prasarana perpustakaan dan membentuk pendidikan yang disenangi oleh murid serta untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam memaksimalkan penggunaan perpustakaan sekolah sebagai salah satu pusat sumber belajar untuk meningkatkan kualiti hasil belajar murid.

## RUJUKAN

- Aini, P. (2011). *Penggunaan perpustakaan dalam meningkatkan minat baca siswa* (studi kasus: sekolah an-nisaa Pondok Aren-Bintaro).
- Apriyani, D., Harapan, E., & Houtman, H. (2020). MANAJEMEN PERPUSTAKAAN SEKOLAH DASAR. *JMKSP (Jurnal Manajemen, Kepemimpinan, Dan Supervisi Pendidikan)*. <https://doi.org/10.31851/jmksp.v6i1.4103>
- Fibriyanti, Y., & Murtinigsih, T. W. H. (2013). Efektivitas Pemanfaatan Layanan Perpustakaan Sekolah Oleh Siswa Kelas VIII Th. Ajaran 2013/2014 SMP N 2 Kerjo Kab. Karanganyar. *Jurnal Ilmu Perpustakaan*, 2(4), 157-167.
- Chua, Y. P. (2014). *Asas statistik penyelidikan*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Herfina, H., & Hafiar, H. (2017). Evaluasi sikap siswa terhadap perpustakaan sekolah. *Jurnal Kajian Informasi & Perpustakaan*, 5(2), 95-110.
- Hidayat, W. (2013). Hubungan Antara Pemanfaatan Perpustakaan Sekolah dan Kemandirian Belajar Dengan Hasil Belajar Siswa Kelas XI Jurusan Teknik Kendaraan Ringan SMK Negeri 2 Klaten. *Universitas Negeri Yogyakarta* (diakses 11 Februari 2016).
- Indonesia, R. (2006). Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 23 Tahun 2006 Tentang Administrasi Kependudukan. *Jakarta, DKI Jakarta, Indonesia*.
- Ismayani, R. (2017). Kreativitas Dalam Pembelajaran Literasi Teks Sastra. *Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*. <https://doi.org/10.22460/semantik.2.2.67-86>
- Kemdikbud. (2015). Kemendikbud RI Tahun 2015 tentang Rencana Strategis Kementerian Pendidikan Dan Kebudayaan 2015 - 2019. *Kementerian Pendidikan Dan Kebudayaan*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Lestari, I. A., & Harisuna, N. R. (2019). Pemanfaatan Perpustakaan Sekolah Sebagai Sumber Belajar Dalam Proses Pembelajaran Siswa terhadap Minat Baca Siswa. *Diskusi Panel Nasional Pendidikan Matematika*, 5(1).
- Nomor, U. U. R. I. (43). tahun 2007 tentang Perpustakaan. *Jakarta: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia*.
- Mangnga, A. (2015a). Peran Perpustakaan Sekolah Terhadap Proses Belajar Mengajar Di Sekolah. *Jupiter*.

*Analisis Tahap Pengetahuan Sikap Aktiviti dan Keseronokan Terhadap Penggunaan Perpustakaan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*

- Mangnga, A. (2015b). Peran Perpustakaan Sekolah Terhadap Proses Belajar Mengajar Di Sekolah. *Jupiter*, XIV(1), 38–42. Retrieved from <http://journal.unhas.ac.id/index.php/jupiter/article/download/27/25>
- Permendikbud. (2013). Peraturan Pendidikan dan kebudayaan Republik Indonesia. In *Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebedayaan*.
- Permendikbud no 23 tahun 2015. (2017). Membangun Budaya Membaca Pada Anak Melalui Program Gerakan Literasi Sekolah. *Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Dasar*.
- Perpustakaan Universitas Indonesia. (2016). Literasi Informasi. *Perpustakaan Universitas Indonesia*.
- Sulistyo, A. (2017). Evaluasi Program Budaya Membaca Di Sekolah Dasar Negeri. *Kelola: Jurnal Manajemen Pendidikan*, 4(1), 48. <https://doi.org/10.24246/j.k.2017.v4.i1.p48-58>
- Ummah, M., Rusilowati, A., & Yulianti, I. (2018). Pengembangan Bahan Ajar Berbasis Literasi Sains Materi Gelombang Cahaya. *Unnes Physics Education Journal*.
- Vii, K., Mata, P., Ips, P., Di, T., & Islam, S. M. P. (2019). *Peranan perpustakaan sebagai sumber belajar siswa kelas vii pada mata pelajaran ips terpadu di smp islam al-wustho dasan tapen kecamatan pringgabaya kabupaten lombok timur tahun pelajaran 2017/2018.*. Retrieved from [http://etheses.uinmataram.ac.id/2534/1/Syarifah\\_151126269.pdf](http://etheses.uinmataram.ac.id/2534/1/Syarifah_151126269.pdf)
- Widayat Prihartanta. (2015). Perpustakaan sekolah. *Jurnal Adabiya*.